

Krisis PKR Di Selangor Tiada Penghujungnya
Bernama
Aug 5, 2014
Fokus Berita Oleh Haslinda Zainal

KUALA LUMPUR, (Bernama) -- Krisis dalaman PKR dalam isu jawatan Menteri Besar Selangor yang disandang Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim sebenarnya semakin parah, serius dan tidak akan ada jalan penyelesaian.

Beberapa pemerhati politik berpendapat kemelut itu akan terus berpanjangan walaupun menteri besar negeri itu ditukar dengan calon kegemaran parti itu.

Dekan Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa Universiti Utara Malaysia (UUM) Prof Madya Dr Ahmad Marthada Mohamed berkata ini kerana kemelut yang melanda adalah berpunca kerakusan pemimpin parti itu melunaskan kepentingan politik peribadi.

"Sebelum ini krisis sudah berlaku di mana Anggota Parlimen Gombak Mohamed Azmin Ali selaku timbalan presiden parti kuat melobi untuk menjadi menteri besar, konflik yang tercetus bukan sahaja melibatkan Abdul Khalid dan Mohamed Azmin tetapi melibatkan dua kem yang menyokong kedua-dua mereka.

"Mohamed Azmin dilihat lebih berpihak kepada ketua pembangkang dan penasihat PKR Datuk Seri Anwar Ibrahim manakala Abdul Khalid ketika itu rapat dengan presiden PKR Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail yang dicanang bakal menggantikan Abdul Khalid.

"Dr Wan Azizah dilihat berusaha untuk berkompromi dengan Abdul Khalid, tetapi apakah kem Mohamed Azmin akan berdiam diri apabila nama Dr Wan Azizah dicadangkan sebagai menteri besar yang baharu? Saya rasa tidak kerana Mohamed Azmin ada misi dan akan guna pelbagai strategi untuk menjadi menteri besar," katanya kepada Bernama di sini semalam.

Pergolakan PKR Selangor bermula apabila Anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) Bukit Antarabangsa itu digugurkan daripada senarai ahli lembaga pengarah Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) yang didakwa perancangan kem Abdul Khalid untuk mengurangkan pengaruh timbalan presiden PKR itu dalam pemilihan parti.

Kemelut itu yang merebak menjadi polemik perebutan kerusi menteri besar diparahkan lagi dengan 'Langkah Kajang' yang dimulakan Pengarah Strategi PKR Rafizi Ramli pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Kajang Mac lepas bertujuan menjadikan Anwar sebagai menteri besar Selangor yang baharu.

Malangnya, hasrat Anwar terbantut setelah gagal menjadi calon kerusi DUN Kajang akibat kes mahkamah dihadapinya, lalu isterinya Dr Wan Azizah dipertaruhkan untuk kerusi itu dan menang dalam majoriti undi merosot.

Anwar kemudian mahu Dr Wan Azizah diletakkan sebagai menteri besar baharu sambil disokong DAP, bagaimanapun, satu lagi rakan sekutu mereka, PAS, tidak bersetuju dengan cadangan itu dan menyatakan sokongan terhadap pentadbiran Abdul Khalid.

Ahmad Marthada berkata beberapa pemimpin muda yang berada dalam kem Mohamed Azmin cuba menimbulkan pelbagai isu untuk menjatuhkan kredibiliti Abdul Khalid.

Dua hari lepas, setiausaha agung PKR Datuk Saifuddin Nasution Ismail dalam sidang medianya di Petaling Jaya berkata, PKR akan mengeluarkan nota penjelasan mengenai tindakan parti itu yang mahu Abdul Khalid berundur daripada jawatan menteri besar.

Nota itu akan mendedahkan secara terperinci mengenai keraguan terhadap integriti dan disiplin Abdul Khalid dan rasional mahu melantik Dr Wan Azizah sebagai pengganti.

Ahmad Marthada berkata polemik berterusan ini akan menyebabkan rakyat Selangor yang memberi mandat kepada PKR untuk mentadbir negeri itu menjadi mangsa dan kebajikan serta janji-janji parti itu untuk kepentingan rakyat akan dilupakan.

"Saya pasti bahawa masyarakat semakin hari semakin tidak puas hati dan muak dengan apa yang berlaku, bila dapat peluang mentadbir, mereka lebih mengutamakan jawatan daripada memberi perkhidmatan kepada rakyat," katanya.

Semalam, Lembaga Disiplin PKR mengeluarkan surat tunjuk sebab kepada Abdul Khalid atas dakwaan mengingkari keputusan Majlis Pimpinan Pusat (MPP) parti berhubung pertukaran menteri besar Selangor yang baharu.

Ahmad Marthada berkata tidak ada sebab untuk Abdul Khalid tunduk terhadap desakan supaya berundur kerana beliau tidak melakukan perkara yang melanggar peraturan, malah mencabar Saifuddin supaya melaporkan kepada pihak berkuasa jika terdapat sebarang bukti salah laku dan integritinya sebagai menteri besar.

"Ada dua aspek kenapa beliau rela atau tidak mahu letak jawatan. Pertama, tidak ada suara daripada Sultan Selangor yang tidak setuju dengan kepimpinan Abdul Khalid.

"Kedua, tidak ada suara daripada rakyat Selangor yang mendesak beliau untuk meletak jawatan, tiada referendum daripada masyarakat, yang lebih kita dengari ialah suara daripada pemimpin parti PKR sendiri," katanya.

Penganalisis politik, Datuk Zainal Abidin Borhan berkata kemelut politik dalaman PKR itu tidak mampu dikawal oleh parti itu sendiri apabila masing-masing cuba menjaga kepentingan sendiri tanpa ada permuafakatan.

"Presiden dan timbalan presiden diam saja terhadap isu ini, sebagai parti politik, mereka perlu lebih cekap dan cepat selesaikan masalah, tetapi masalah tidak akan selesai kerana virus kepentingan diri sudah ditanam dalam diri para pemimpin PKR," katanya.

Ketua Eksekutif dan Ketua Editor Yayasan Karyawan itu berkata krisis ini ibarat satu lagi babak dalam filem yang dimainkan anggota PKR dan rakyat menjadi penonton kepada sandiwara itu.

"Abdul Khalid nampak cool, Sultan Selangor sendiri sedang perhatikan sandiwara ini, jangan temberang rakyat, biarlah si luncai ini (PKR) terjun dengan labu-labunya dan biarkan rakyat menjadi juri pada pilihan raya umum akan datang," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1058182>